

## TIER 2

Suruhanjaya A.S. bagi Kebebasan Beragama Antarabangsa (U.S. Commission on International Religious Freedom, USCIRF) ialah suruhanjaya kerajaan persekutuan A.S. bebas dan dwipartisan yang ditubuhkan melalui Akta Kebebasan Beragama Antarabangsa (International Religious Freedom Act, IRFA) 1998 dan memantau hak sejagat untuk kebebasan beragama atau kepercayaan di luar negara. USCIRF menggunakan piawai antarabangsa untuk memantau pelanggaran hak kebebasan beragama atau kepercayaan di luar negara dan membuat saranan dasar kepada presiden, setiausaha negara dan Kongres. USCIRF ialah badan bebas yang berasingan dan berbeza daripada Jabatan Negara. Laporan Tahunan 2017 mewakili kemuncak usaha dalam setahun oleh para Pesuruhjaya dan kakitangan profesional untuk mendokumentasikan pelanggaran secara praktik dan membuat saranan dasar bebas kepada kerajaan A.S. Laporan Tahunan 2017 meliputi tempoh dari tahun kalendar 2016 hingga Februari 2017, walaupun dalam sesetengah kes tertentu, peristiwa penting yang berlaku selepas tempoh ini juga disebut. Lihat laman web [di sini](#) atau hubungi USCIRF secara langsung pada 202-786-0611 untuk mendapat maklumat lanjut tentang badan ini.

### Malaysia

**Temuan Utama:** Pada 2016, bantahan kepada kerajaan dari dalam dan luar bidang politik membawa kesan yang negatif terhadap kebebasan beragama. Perkara ini disebabkan oleh pihak berkepentingan yang semakin kuat berebut-rebut untuk pengaruh menjelang pilihanraya umum 2018. Arah aliran berterusan ini memotivasikan lagi individu dan kumpulan yang mempercayai hanya agama Islam Sunah mewakili bentuk sebenar Islam dan bahawa Malaysia perlu mengutamakan identiti Islam Melayu walaupun ini menjejaskan golongan minoriti agama dan etnik. Kerajaan Malaysia secara aktif menghadkan kebebasan bersuara dan menghukum sesiapa yang mengkritiknya, termasuk di dalam talian. Tahun 2016 melihat parlimen Malaysia mempertimbangkan langkah untuk mengukuhkan lagi hukuman mengikut kod jenayah Islam dan menguatkan mahkamah Syariah. Pada masa yang sama, bidang kuasa antara mahkamah Syariah dan Sivil semakin bertindih; parlimen dijangka akan mendebatkan hal ini lagi pada 2017. Keputusan mahkamah penting memberikan kuasa kepada seorang lelaki yang diislamkan semasa kanak-kanak untuk dikenali sebagai penganut Kristian. Walaupun demikian, banyak cabaran dari segi undang-undang masih perlu dihadapi oleh orang Islam yang memilih untuk memeluk agama lain dan mereka yang terlibat dalam pertikaian jagaan anak antara pengikut agama Islam dan agama lain. Kerajaan juga masih mengharamkan agama yang dianggapnya "melencong", termasuk masyarakat Islam Syiah, Ahmadiyah, Baha'i dan Al-Arqam. Pada 2017, USCIRF sekali lagi meletakkan Malaysia dalam Peringkat 2, iaitu tahap yang sama semenjak 2014.

### Saranan kepada Kerajaan A.S.

- Memastikan bahawa hak asasi manusia dan kebebasan beragama diperbaiki secara konsisten dan terbuka pada setiap peringkat hubungan A.S.-Malaysia, termasuk dalam Perkongsian Komprehensif dan perbincangan lain berkenaan dengan tentera, perdagangan atau bantuan ekonomi dan keselamatan, serta dalam program yang menangani kebebasan bersuara dan pembangunan masyarakat sivil, antara lainnya;
- Menekan kerajaan Malaysia untuk menjajarkan semua undang-undang dan polisinya mengikut standard hak asasi manusia antarabangsa, terutamanya berkenaan dengan kebebasan beragama atau kepercayaan, kebebasan berhimpun dan kebebasan penyataan agama, termasuk hak untuk menggunakan perkataan "Allah" dan memiliki bahan terbitan agama;
- Menggalakkan kerajaan Malaysia untuk menjadi pihak kepada Konvensyen Antarabangsa tentang Hak Sivil dan Politik (International Convention on Civil and Political Rights), Konvensyen Antarabangsa tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Ras (International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination) (tanpa pengecualian), dan Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967 yang berkaitan;
- Merangsang kerajaan Malaysia untuk memindah secara substantif atau memansuh Akta Hasutan dan berhenti menangkap, menahan dan mendakwa individu mengikut akta tersebut;
- Merangsang kerajaan Malaysia untuk berhenti menangkap, menahan atau memaksa "pemulihan" individu yang mengambil bahagian dalam aktiviti agama aman, seperti aliran Islam Syiah, Ahmadiyah, Baha'i dan Al-Arqam, antara lain, dan untuk membebaskan tanpa syarat semua orang yang ditahan atau dipenjarakan atas dakwaan berkaitan; dan
- Mendorong kerajaan Malaysia untuk menubuhkan atau menyokong institusi bebas, seperti badan kehakiman, pejabat Peguam Negara dan agensi penguatkuasa undang-undang, serta menangani kekurangan hak asasi manusia dalam sistem kehakiman berganda Sivil-Syariah untuk menjamin kebebasan beragama atau kepercayaan bagi semua warga Malaysia, tidak kira asal usul etnik atau agama mereka.

## **Latar Belakang**

Lebih 61 peratus daripada jumlah populasi negara Malaysia, iaitu hampir 31 juta orang, beragama Islam. Manakala hampir 20 peratus beragama Buddha, lebih sembilan peratus beragama Kristian dan lebih enam peratus beragama Hindu. Jika dilihat bersama, kira-kira satu

peratus populasi Malaysia mengamalkan Konfusianisme, Taoisme atau kepercayaan tradisional Cina lain dan bahagian yang lebih kecil lagi mengikuti satu atau lebih agama yang tidak dinyatakan, seperti Sikhisme, kepercayaan Baha'i dan animisme, atau tidak beragama. Kumpulan agama yang dianggap "melencong", seperti golongan Islam Syiah, Ahmadiyah, Baha'i dan Al-Arqam diharamkan sama sekali. Kerajaan atau mahkamah Syariah peringkat negeri boleh memaksa individu yang dianggap telah melencong daripada Islam Sunah, termasuk individu daripada mazhab "melencong" atau warga yang meninggalkan Islam, memasuki kem tahanan yang dipanggil pusat "pemulihan" dan/atau mendakwa mereka di mahkamah untuk jenayah kemurtadan, yang membawa hukuman penjara atau denda.

Pada 2016, ahli politik terus mengeksploitasi isu agama dan keetnikan untuk mendapat sokongan pengikut tafsiran Islam yang semakin konservatif dan nasionalis. Arah aliran ini—yang mengkaburi sempadan antara identiti berdasarkan agama dan keetnikan—semakin berleluasa pada dekad yang lalu. Ia kini alat retorik dan kempen yang popular merentasi spektrum politik dan ideologi. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) di bawah Perdana Menteri Najib Razak, iaitu parti yang memimpin pakatan Barisan Nasional (BN), dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang dahulunya di bawah pakatan parti pembangkang Pakatan Rakyat, bersatu dalam parlimen untuk mempromosi langkah yang akan membenarkan hukuman mengikut undang-undang Islam. Juga, walaupun pilihanraya umum sepatutnya tidak akan berlangsung sehingga 2018, beberapa pemerhati mengagak bahawa Perdana Menteri Najib mungkin akan mengadakan pilihanraya lebih awal bergantung jika beliau berfikir UMNO boleh mendahului dalam pengundian.

Kerajaan Malaysia terus menindas individu yang ingin melihat kerajaan dipertanggungjawabkan seperti ahli parlimen pembangkang Rafizi Ramli, aktivis antirasuah Maria Chin Abdullah dan penyokong hak asasi manusia Lena Hendry, termasuk melalui penggunaan langkah keselamatan nasional. Pada 1 Ogos 2016, Akta Majlis Keselamatan Negara Malaysia mula berkuat kuasa, yang memberikan kuasa baharu yang luas kepada Perdana Menteri untuk mengisytiharkan keadaan darurat dan membenarkan pengeledahan dan penangkapan tanpa waran. Penyokong hak asasi manusia mengkritik akta tersebut kerana ia menghakis hak dan kebebasan asas serta menyuarkan kebimbangan mereka bahawa akta itu boleh disalah guna oleh pihak kerajaan.

### **Keadaan Kebebasan Beragama 2016-2017**

***Diskriminasi terhadap golongan Bukan Islam dan Penganut Islam Bukan Sunah:*** Warga Malaysia bebas beragama secara umum, namun golongan minoriti sering mengalami diskriminasi berkaitan dengan kepercayaan mereka. Sesetengah golongan pula menghadapi kesukaran mendapat bahan sumber agama seperti Kitab Injil dan mendapat kelulusan daripada kerajaan untuk membina rumah ibadat. Menurut perlembagaan Malaysia, warga Melayu etnik—kumpulan etnik terbesar—ditakrifkan sebagai penganut Islam. Secara praktik, kerajaan Malaysia

hanya menyokong mazhab Islam Sunah. Dalam jangka masa yang panjang, BN telah menguatkuasakan dasar dan amalan yang menyebelahi atau secara lain menawarkan layanan istimewa kepada penganut Islam Melayu etnik, khususnya penganut Islam Sunah. Dana disalurkan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) persekutuan untuk membiayai kebanyakan masjid dan imam mazhab Sunah serta mengarahkan topik utama khutbah mereka, yang biasanya mencerca golongan minoriti agama seperti penganut Islam Syiah. Pihak kerajaan dan UMNO juga menggalakkan mazhab Islam Sunah dengan menghantar individu ke negara Arab Saudi untuk latihan agama. Sistem kehakiman berganda mahkamah Sivil dan Syariah (diliputi kemudian dalam bab ini), serta lapisan undang-undang persekutuan berbanding negeri, dekri sultan dan *fatwa* (titah-perintah agama) menghakis tanggapan negara dan perlembagaan sekular sebagai undang-undang tertinggi Malaysia. Terdapat laporan yang pendakwaan (penyebaran agama Islam) berlaku secara luas di sekolah kerajaan, malah sekolah Katolik. Penganut Islam dibenarkan untuk berdakwah kepada warga bukan Islam, tetapi bukan sebaliknya.

Golongan Islam Melayu majoriti semakin memaksa pandangan dan norma yang terbatas terhadap golongan minoriti etnik dan agama. Ini bukan sahaja menjejaskan kepercayaan golongan minoriti tersebut untuk mengamalkan kepercayaan mereka secara bebas, tetapi juga mengehadkan kehidupan harian mereka. Golongan minoriti agama dan etnik menyatakan kebimbangan yang meningkat tentang dasar pro-penganut Islam Melayu kerajaan dan batasan yang terhasil ke atas hak mereka untuk mengamalkan kepercayaan mereka dengan bebas. Kebimbangan ini bertambah lagi apabila laporan muncul yang mengatakan pemimpin agama telah diganggu atau diculik. Contohnya, pada Februari 2017, penyerang bertopeng menculik seorang paderi Kristian, Pastor Raymond Koh, di Petaling Jaya. Pihak berkuasa agama dahulunya mengganggu Pastor Koh selepas mengesyaki beliau mengkristiankan penganut Islam. Pada masa ini, lokasi Pastor Koh masih tidak diketahui.

***Kepercayaan dan Amalan "Haram" atau "Melencong":*** Malaysia menganggap sesetengah kepercayaan haram, seperti mazhab Islam Syiah, masyarakat Ahmadiyah, Baha'i dan Al-Arqam. Pihak berkuasa bertindak keras terhadap amalan kepercayaan tersebut. Contohnya, pada bulan Oktober, pihak berkuasa agama di Selangor menangkap 50 penganut Islam Syiah warga Pakistan yang berkumpul untuk meraikan perayaan Ashura. Walaupun pegawai agama dahulu telah bertindak keras semasa tempoh perayaan Ashura, warga asing sepatutnya dikecualikan daripada pengharaman agama. Selepas penangkapan tersebut, kumpulan G25—iaitu sekumpulan 25 tokoh Malaysia terkenal yang termasuk beberapa orang bekas pegawai kerajaan—menggalakkan kerajaan Malaysia dan pegawai agama untuk mengiktiraf kepercayaan Syiah sebagai bentuk agama Islam yang diterima dan membenarkan penganut Islam Syiah mengamalkan kepercayaan mereka secara bebas.

Majlis peringkat negeri dan persekutuan mengeluarkan *fatwa* yang sering ditafsir sebagai peraturan dengan kuat kuasa undang-undang. Pada 2014, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengeluarkan *fatwa* yang mengisytiharkan Sisters in Islam (SIS), sebuah organisasi masyarakat sivil Malaysia, sebagai "melencong" daripada Islam. *Fatwa* tersebut membolehkan MAIS menghalang laman web SIS dan merampas terbitannya. SIS memfailkan permohonan semakan kehakiman untuk mencabar keberlembagaan *fatwa* itu, namun pada Jun 2016, Mahkamah Tinggi menyerahkan bidang kuasa kepada mahkamah Syariah. Rayuan SIS terhadap tindakan itu masih belum selesai.

***Had Terhadap Hak Beragama dan Bersuara:*** Pihak berkuasa Malaysia sering kali mengguna kecaburan ungkapan dalam Akta Hasutan untuk menyekat bantahan politik dan agama, dan semakin menjadikan individu sebagai sasaran. Individu tersebut termasuk ahli politik pembangkang N. Serendren, peguam hak asasi manusia Eric Paulsen, ahli akademik Dr. Azmi Sharom dan pelukis kartun Zulkiflee Anwar Ulhaque, juga dikenali sebagai Zunar, yang semuanya menyuarakan pandangan mereka dalam talian. Beberapa individu yang ditangkap atau dituduh mengikut Akta Hasutan telah meneruskan tuntutan mahkamah berhubung dengan keberlembagaan tindakan tersebut. Sampai sekarang, mahkamah telah menolak cabaran ini. Pada Ogos 2016, pihak polis menangkap ahli muzik rap Wee Meng Chee, dikenali dengan nama profesionalnya Namewee, atas tuduhan menghina Islam dalam salah satu muzik videonya. Setelah beberapa hari ditahan pihak polis, dia dibebaskan dengan ikat jamin, namun masih boleh menghadapi sehingga dua tahun dalam penjara dan denda.

***Pengharaman Penggunaan Perkataan "Allah":*** Pada 2016, warga bukan Islam menghadapi batasan yang masih berjalan terhadap penggunaan perkataan "Allah". Perkataan Bahasa Arab untuk Tuhan ialah perkataan yang digunakan untuk tujuan yang sama dalam Bahasa Malaysia dan dalam Bahasa Iban pribumi. Dalam satu contoh pada Oktober 2016, Kementerian Dalam Negeri dilaporkan merampas salinan sebuah surat khabar Katolik mingguan—pada waktu itu, mahkamah telah menolak hak terbitan tersebut untuk mengguna perkataan "Allah"—selepas mengesyaki surat khabar demikian masih mengandungi perkataan itu. Salinan surat khabar yang dirampas kemudian dikembalikan apabila pihak berkuasa mendapati perkataan "Allah" tidak digunakan. Gereja Sidang Injil Borneo (SIB) Sabah juga menuntut untuk hak penggunaan perkataan "Allah" dalam Kitab Injil dan bahan sumber agama yang diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia. Pada 30 September 2016, Mahkamah Rayuan menafikan kuasa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)—iaitu badan peringkat tempatan yang berkuasa dalam hal-hal agama—untuk bercampur tangan dalam kes tersebut. Mahkamah mendapati MAIWP tidak mempunyai kuasa ke atas warga bukan Islam. SIB Sabah mula memfailkan tuntutan mahkamah pada 2007 selepas pihak berkuasa merampas kotak-kotak buku pelajaran Kristian dalam Bahasa Malaysia yang mengandungi perkataan "Allah". Walaupun pihak berkuasa kemudian mengembalikan buku tersebut kepada SIB Sabah pada 2008, gereja itu meneruskan tuntutan mahkamah untuk mendapatkan penjelasan tentang hak keberlembagaan untuk mengguna

perkataan "Allah" dalam terjemahan Kitab Injil serta bahan sumber lain. Mahkamah Tinggi dijangka akan mendengar kes SIB Sabah pada Februari 2017.

**Hukuman Hudud:** Pada 2016, Abdul Hadi Awang, seorang pemimpin Parti Islam Se-Malaysia (PAS), mencadangkan rang undang-undang ahli persendirian untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 untuk mengenakan hukuman *hudud* (kanun jenayah Islam) dan meluaskan bidang kuasa mahkamah Syariah. Jenayah yang boleh dihukum mengikut *hudud* termasuk murtad, fitnah, zina dan meminum arak. Hukumannya pula termasuk memotong anggota badan, merejam dengan batu dan sebatan. Pada 2015, PAS cuba mengusulkan tindakan yang serupa melalui Dewan Undangan Negeri Kelantan (yang dikawal oleh PAS), namun memerlukan kebenaran Parlimen Malaysia sebelum mengenakan hukuman *hudud*. Kebenaran ini diperlukan kerana had perlembagaan yang wujud terhadap kuasa mahkamah Syariah, yang pada asasnya akan ditamatkan oleh rang undang-undang 2016 ini. Selepas PAS berpisah daripada Pakatan Rakyat, iaitu pakatan pembangkang yang kini tidak wujud lagi, parti itu lebih menjarjar kepada UMNO. Tindakan ini mendapat sokongan terbuka Perdana Menteri Najib.

Walaupun demikian, rakan politik UMNO dalam pakatan pemimpin BN, iaitu Persatuan Cina Malaysia dan Kongres India Se-Malaysia, menentang pindaan yang dicadangkan bersama beberapa warga bukan Islam lain. Malaysia Timur yang termasuk negeri Sabah dan Sarawak mengandungi ramai warga Kristian yang biasanya memiliki kebebasan lebih luas untuk mengamalkan kepercayaan mereka berbanding penganut Kristian di Semenanjung Malaysia. Contohnya, pemilikan Kitab Injil di Sabah dan Sarawak menghadapi kurang sekatan secara am. Pihak berkuasa—termasuk Ketua Menteri Sabah Adenan Satem dan ahli parlimen Sabah serta Menteri Perpaduan Negara Joseph Kurup—dan pemimpin gereja dari kedua-dua negeri tersebut menentang pindaan yang dicadangkan secara terbuka. Pengkritik tempatan lain mengesyaki UMNO menyokong hukuman *hudud* untuk mengalih perhatian pengundi daripada skandal politik BN (lihat bahagian Dasar A.S. untuk maklumat lanjut).

Pihak yang menentang usul ini mempunyai dua kebimbangan utama: iaitu hukuman *hudud* akan dikenakan terhadap warga bukan Islam dan usul tersebut akan mengurangkan kuasa mahkamah sivil. Pada November 2016, usul itu ditarik balik dan pada masa yang sama dicadangkan semula dalam bentuk yang dipinda hanya untuk ditangguhkan bagi membolehkan pertimbangan lanjut pada Mac 2017. Menjelang perjumpaan semula Parlimen pada Februari 2017, berpuluh ribu warga Malaysia berhimpun di Kuala Lumpur untuk menyokong usul tersebut.

**Pengislaman Paksa dan Sistem Kehakiman Berganda:** Pada Mac 2016, Mahkamah Tinggi Kuching membenarkan Roneey Rebit, yang dilahirkan sebagai seorang Kristian, hak mengikut undang-undang untuk dikenali sebagai seorang Kristian dan mengarahkan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk mengeluarkannya kad pengenalan baharu yang tidak menyatakan agamanya Islam. Sewaktu Roneey masih kecil, ibu bapanya memeluk agama Islam dan dia dianggap telah



diislamkan mengikut undang-undang Malaysia. Setelah dewasa, Roneey memilih untuk mengikut agama yang diikutinya ketika dilahirkan, iaitu agama Kristian. Masalah yang dihadapinya ialah KP Roneey masih mendaftarkannya sebagai penganut Islam. Walaupun JPN pada mulanya merayu keputusan mahkamah, mengikut laporannya sendiri jabatan itu mengeluarkan Roneey kad pengenalan yang baharu pada Oktober 2016, yang mengguna nama Kristiannya dan bukan nama Islam. Sehingga keputusan Mahkamah Tinggi itu dikeluarkan, kerajaan Malaysia mengemukakan alasan hanya mahkamah Syariah berkuasa untuk membuat keputusan tentang perkara yang berkaitan dengan Islam. Ini menyukarkan penganut Islam yang ingin memeluk agama lain atau membetulkan dokumen pengenalan kerajaan untuk menunjukkan kepercayaan yang dipilih. Keputusan tersebut dibuat oleh mahkamah sivil dan oleh itu, membawa implikasi yang luas dan berkemungkinan positif untuk kes pertikaian jagaan anak jika seorang ibu bapa mengislamkan anaknya sendiri tanpa kebenaran bekas pasangannya. Lebih-lebih lagi, keputusan hakim mengesahkan kebebasan beragama atau kepercayaan sebagai hak keperlembagaan. Namun demikian, ia masih tidak jelas jika keputusan mahkamah yang menggalakkan ini akan diguna pakai secara luas terhadap individu lain dalam situasi yang sepadan.

Suatu lagi kes yang lama dipertikaikan ialah kes M. Indira Gandhi, seorang penganut Hindu. Bekas suaminya mengislamkan ketiga-tiga anak mereka tanpa pengetahuannya. Walaupun Indira diberikan hak jagaan anak penuh, bekas suaminya, yang menggunakan nama Islam Muhammad Riduan Abdhullah, hilang bersama anaknya yang paling bongsu kira-kira lapan tahun dahulu. Indira tidak pernah melihat anaknya sejak itu walaupun mahkamah memerintah supaya suaminya memulangkan anak tersebut. Pada Disember 2015, Mahkamah Rayuan menterbalikkan perintah Mahkamah Tinggi yang mengisytiharkan pengislaman anak oleh hanya satu orang ibu bapa melanggar perlembagaan. Mahkamah Rayuan juga menentukan bahawa mahkamah Syariah mempunyai kuasa mutlak dalam hal-hal Islam. Tindakan ini mewujudkan duluan dari segi menamatkan peranan mahkamah sivil dalam kes keluarga yang salah satu daripada pihaknya bukan Islam. Pada April 2016, perintah mahkamah membenarkan penangkapan bekas suami Indira dan pada bulan Mei, Mahkamah Persekutuan memberikan Indira hak untuk mencabar pengislaman anak-anaknya oleh hanya satu orang ibu bapa. Pada November 2016, Mahkamah Persekutuan mendengar kes tersebut tetapi semasa tempoh pelaporan berakhir masih belum mengeluarkan keputusan. Pihak berkuasa gagal menangkap bekas suami Indira dan dia tidak pernah hadir di mahkamah.

Pada Ogos 2016, Perdana Menteri Najib mengumumkan rancangan untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 bagi menjelaskan hal-hal perkahwinan sivil akan ditangani di mahkamah sivil, termasuk kes penceraian dan penjagaan anak. Pindaan yang diusulkan pada November 2016 itu akan mengharamkan pengislaman anak oleh hanya seorang ibu bapa tidak kira jika satu atau kedua-dua ibu bapa memeluk agama Islam selepas berkahwin. Parlimen dijangka akan mendebatkan pindaan tersebut pada 2017.

Pada Mac 2016, peguam Kristian Victoria Martin gagal dalam percubaan terakhirnya untuk mempraktikkan undang-undang di mahkamah Syariah. Keputusan 3-2 Mahkamah Persekutuan menentang Cik Martin mengubah keputusan lebih awal oleh Mahkamah Rayuan yang memihak dengannya dan membenarkan orang yang bukan penganut Islam untuk mempraktik undang-undang sebagai peguam Syariah. Jika mahkamah memihak kepada Cik Martin, hal ini mungkin membawa kesan yang besar terhadap kes pemeluk agama lain oleh penganut Islam. Pada masa ini, individu sedemikian hanya boleh diwakili oleh seorang penganut Islam.

***Pelarian Rohingya Islam:*** Berdasarkan statistik dari Januari 2017 yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR), terdapat lebih 150,000 pelarian dan pencari suaka yang berdaftar dengan UNHCR di Malaysia. Daripada jumlah ini, hampir 134,000 orang berasal dari Burma (juga dikenali sebagai Myanmar), dan 56,135 orang daripada jumlah tersebut kebanyakannya daripada golongan etnik penganut Islam Rohingya. Ramai lagi yang tidak berdaftar dengan UNHCR dipercayai tinggal di Malaysia. Walaupun terdapat segelintir yang berpindah untuk mencari peluang yang lebih baik, ramai melarikan diri daripada penyeksaan di Burma. Sebab mereka melarikan diri termasuk pelanggaran serius terhadap kebebasan beragama seperti pengekangan keupayaan mereka untuk mengamalkan kepercayaan mereka secara bebas dan penghapusan bangunan yang berkaitan dengan agama mereka. Malaysia bukan penandatanganan kepada Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967 yang berkaitan. Pelarian dan pencari suaka di Malaysia mempunyai capaian terhadap sokongan kerajaan dan bukan kerajaan. Biasanya, golongan ini tidak boleh diambil kerja secara sah, walaupun kerajaan Malaysia mengumumkan program perintis untuk membenarkan sehingga 300 pelarian Rohingya mendapat kerja secara sah pada November 2016.

Pada Disember 2016, Perdana Menteri Najib mengutuk layanan buruk Burma terhadap penganut Islam Rohingya secara terbuka dan mengiktiraf krisis yang melanda golongan tersebut sebagai cabaran serantau untuk Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara. Perdana Menteri Najib membuat komen yang serupa semasa perjumpaan Pertubuhan Kerjasama Islam pada Januari 2017. Pada Februari 2017, sebuah kapal Malaysia tiba di Sittwe, iaitu ibu kota Negeri Rakhine Burma, yang membawa bekalan bantuan kemanusiaan untuk penganut Islam Rohingya. Namun demikian, sesetengah pengkritik melihat komen Perdana Menteri Najib sebagai usaha untuk mendapat sokongan politik dan mengalih perhatian daripada tuduhan rasuah.

***Hubungan dengan Kota Vatikan:*** Pada Jun 2016, Paus Francis menerima Duta Tetap Malaysia yang pertama ke Takhta Suci, Tan Sri Bernard Giluk Dompok. Pelantikannya ke jawatan tersebut diumumkan pada Mac 2016. Pada November 2016, Paus Francis melantik Archbishop Emeritus Anthony Soter Fernandez sebagai kardinal pertama Malaysia.

## **Dasar A.S.**



Pada 2014, Amerika Syarikat dan Malaysia menaikkan bentuk hubungan bilateral antara kedua negara itu kepada Perkongsian Komprehensif. Sewaktu testimoni di pembicaraan kongres pada April 2016 mengenai dasar A.S. di Asia, Naib Setiausaha Negara ketika itu, Antony J. Blinken, melaporkan bahawa berkenaan dengan Malaysia, Amerika Syarikat telah "menggandakan skop dan skala perkongsian tentera" [mengikut Perjanjian Komprehensif] dan "menandatangani dua perjanjian perkongsian maklumat tentang penganas." Kedua belah negara saling bekerjasama mengenai beberapa isu strategik seperti perdagangan dan pelaburan, alam sekitar, pendidikan dan pertukaran pakar, antara lain. Di samping perkembangan berterusan hubungan antara A.S. dengan Malaysia, terdapat isu dan keadaan yang menguji kekuatan hubungan bilateral tersebut. Contohnya, berikutan urus janji pertahanan antara Malaysia dan China pada November 2016, beberapa pemerhati meneka bahawa tindakan ini mewakili pengalihan Malaysia daripada Amerika Syarikat.

Di samping itu, pada Mac 2016, Jabatan Negara melalui seorang jurucakap menyatakan kebimbangannya tentang "tindakan terbaru untuk mengehadkan capaian kepada pelaporan domestik dan antarabangsa tentang hal-hal terkini di Malaysia" oleh kerajaan Malaysia dan mengenai tuduhan yang dibuat terhadap pengguna media sosial yang mengkritik kerajaan. Jabatan Negara mengeluarkan komen selepas kerajaan Malaysia menghalang capaian ke portal berita dalam talian *The Malaysian Insider*. Pada November 2016, Duta Besar untuk Kebebasan Beragama Antarabangsa David Saperstein melawat Malaysia dan bertemu dengan pihak berkepentingan di Kuala Lumpur.

Akhirnya, pada 20 Julai 2016, Jabatan Kehakiman A.S. mengumumkan bahawa ia akan cuba mendapat kembali dana berjumlah lebih \$1 bilion milik 1Malaysia Development Berhad atau 1MDB, sebuah dana pelaburan Malaysia, yang dipercayai dilaburkan secara haram melalui Amerika Syarikat. Jabatan Kehakiman memfailkan tuntutan di mahkamah persekutuan yang merujuk kepada "Pegawai Malaysia 1", yang dipercayai ialah Perdana Menteri Najib. 1MDB dicipta atas cadangan Perdana Menteri Najib. Beliau telah menafikan semua tuduhan yang dikeluarkan terhadapnya, walaupun pada September 2016 beliau berkata Malaysia akan bekerjasama dengan semua siasatan antarabangsa. Sekurang-kurangnya enam negara lain termasuk Switzerland dan Singapura sedang menjalankan siasatan penipuan dan rasuah yang serupa.